

BAHASA MELAYU

Class X (2023-24)

Markah: 80

Masa: 3 Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** berbentuk pelbagai pilihan (MCQ). Bahagian ini mempunyai 3 soalan, iaitu nombor **1, 2, dan 3**. Anda wajib untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** merupakan soalan berbentuk penulisan. Bahagian ini mempunyai 2 soalan, soalan **4 dan 5**. Jawab semua pada soalan 4. Soalan 5 terdiri daripada soalan (a) dan (b), anda hanya perlu pilih satu dan jawab.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 6, 7, dan 8** yang mengandungi 20 soalan tatabahasa. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 9, 10, 11, dan 12**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (50 minit), C (40 minit), dan D (40 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **17 muka surat** sahaja.

Bahagian A
(15 Markah)

SOALAN 1

Teliti iklan di bawah, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Pertandingan Berbalas Pantun
Sempena Minggu Perpaduan

Tarikh : 12-13 Oktober 2022
Masa : 9:00 pagi
Tempat : Dewan Bestari Sekolah Kebangsaan Taman Vista

Syarat-syarat pertandingan:

- Terbuka kepada semua murid tahap dua.
- Penyertaan adalah secara berkumpulan (berbilang kaum).

***Hadiah
menarik
menanti
pemenang***

Jika berminat, sila hubungi Cikgu Nazirah atau Cikgu Tan.
Tarikh tutup pendaftaran: 3 Oktober 2022

- I. Berapa harikah pertandingan berbalas pantun itu akan diadakan?
- A. sehari
 - B. dua hari
 - C. tiga hari
 - D. empat hari
- II. Apakah aktiviti yang akan dilakukan dalam pertandingan ini?
- A. Mengetahui ciri-ciri pantun.
 - B. Belajar cara mereka pantun.
 - C. Berbalas pantun.
 - D. Menyampaikan pantun.
- III. Amirul ingin menyertai pertandingan ini, tetapi penyertaan Amirul ditolak. Apakah sebab penyertaan Amirul ditolak?
- A. Amirul mendaftarkan diri dalam pertandingan pada 3 Oktober 2022.
 - B. Amirul mengajak kawannya Mei Ling dan Muthu untuk turut bersama.
 - C. Amirul murid tahun 3.
 - D. Amirul membentuk satu kumpulan yang terdiri daripada pelbagai kaum.
- IV. Apakah maksud frasa *hadiah menarik menanti pemenang*?
- A. Semua peserta akan mendapat hadiah
 - B. Kumpulan yang menang akan mendapat ganjaran terbaik.
 - C. Hadiah yang membosankan disediakan untuk pemenang.
 - D. Pemenang perlu tunggu untuk mendapatkan hadiah menarik.
- V. Antara berikut, yang manakah **tidak benar** tentang petikan?
- A. Cikgu Nazirah merupakan salah seorang ahli jawatankuasa pertandingan ini.
 - B. Murid darjah 3 digalakkan untuk menyertai pertandingan ini.
 - C. Cikgu Tan akan membantu murid-murid untuk mendaftarkan diri dalam pertandingan ini
 - D. Pertandingan ini akan diadakan di Dewan Bestari Sekolah Kebangsaan Taman Vista

SOALAN 2

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Puan Maimon berbangga akan kejayaannya itu. Beliau tersenyum puas. Hasil titik peluhnya selama ini, akhirnya beliau berjaya membina perniagaannya. Ibu bapa dan keluarganya banyak memberikan semangat dan dorongan kepadanya untuk maju. Hari ini, beliau sudah mempunyai sebuah kilang dan syarikat yang mengeluarkan kerepek dengan menggunakan teknologi moden. Lebih membanggakannya kilang itu adalah hasil wang simpanannya.

Sebelum ini, Puan Maimon bekerja di sebuah syarikat swasta. Beliau terpaksa meletak jawatan disebabkan masalah tiada orang untuk menjaga anaknya yang masih kecil. Untuk menambahkan pendapatan keluarga, beliau membuat kerepek lalu dijual dalam kalangan jiran-jiran.

Pada mulanya, beliau mengusahakan kerepek pisang, kerepek ubi kayu, dan kerepek keledak. Di ruang dapurnya dijadikan tempat membuat kerepek dan membungkus kerepeknya itu. Beliau berusaha untuk memenuhi permintaan pelanggannya walaupun terpaksa *bersengkang mata* sehingga larut malam. Beliau harus menyiapkan tempahan pelanggannya mengikut masa yang dijanjikan. Suaminya turut membantunya.

Jualan kerepek itu sungguh menguntungkan. Kemudian, beliau memasarkan kerepeknya itu di kedai-kedai dan di pasar tani. Beliau mengusahakan pelbagai jenis kerepek seperti kerepek keladi, sukun, ubi keledak, tempe, rempeyek, dan sebagainya. Beliau mendapat tempahan yang banyak daripada pelanggan terutamanya pada musim perayaan. Beliau mendapat bekalan bahan mentah itu daripada para pekebun di kawasan kampungnya.

Walaupun sibuk, beliau tetap meluangkan masa untuk menyertai kursus usahawan agar mahir dalam perniagaan. Berbekalkan pengetahuan yang diperolehnya itu, beliau berjaya memperluas perniagaannya dengan mengeluarkan makanan segera. Kini, produk yang dihasilkannya telah menembusi pasaran di negara jiran.

I. Siapakah yang sentiasa memberikan sokongan kepada Puan Maimon?

- A. Ibu bapa dan keluarganya
- B. Para pelanggannya
- C. Anak-anaknya
- D. Suami dan ibu bapanya

II. Mengapakah Puan Maimon berhenti kerja?

- A. Beliau sudah berjaya dalam perniagaan kerepeknya.
- B. Beliau menghadapi masalah disiplin.

- C. Beliau menghadapi masalah penjagaan anaknya yang masih kecil.
- D. Beliau kurang berminat terhadap kerjanya itu.

III. Bagaimanakah cara Puan Maimon memajukan perusahaan kerepeknya itu?

- A. Mengamalkan sikap berjimat cermat
- B. Menghadapi masalah dengan sebaik-baiknya
- C. Berusaha untuk memenuhi cita rasa para pelanggan
- D. Mengikuti pelbagai kursus tentang perniagaan agar dapat meningkatkan penjualan

IV. Apakah maksud frasa *bersengkang mata* dalam petikan di atas?

- A. menahan tidur
- B. tidur hingga larut malam
- C. mata bengkok
- D. tidur nyenyak

V. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan di atas.

- A. Puan Maimon mula menjual kerepek yang diusahakan oleh jirannya.
- B. Puan Maimon memperbesar perniagaannya dengan menggunakan wang simpanannya.
- C. Dia hanya menceburi perniagaan kerepek.
- D. Pada mulanya, kerepek yang diusahakan oleh Puan Maimon dipasarkan di pasar tani.

SOALAN 3

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Sabtu, 3 Oktober 2022

7:30 pagi

Aku dan rakan-rakan akan menjalani latihan bola sepak untuk menghadapi perlawanan dengan Sekolah Kebangsaan Seri Iskandar pada akhir bulan ini. Cikgu Naim serta beberapa orang pemain sudah berada di padang ketika kami tiba.

8:00 pagi

Kami dibahagikan kepada dua kumpulan. Cikgu Naim ingin menguji dan melihat prestasi permainan setiap pemain. Pemain yang menunjukkan prestasi yang baik akan terpilih sebagai pemain kesebelasan utama serta mewakili sekolah dalam perlawanan tersebut. Sebagai penyerang, aku mencuba untuk menjaringkan gol. Aku berasa gembira kerana percubaanku dapat menjaringkan dua gol dalam perlawanan pagi itu.

10:30 pagi

Cikgu Naim akan mengumumkan nama pemain untuk mewakili sekolah. Jantung aku berdebar-debar. Nama seorang demi seorang dipanggil. Kini, tinggal tiga orang pemain sahaja. Aku berharap agar namaku akan disebut. Aku berasa gembira kerana Cikgu Naim menyebut nama aku tersenarai dalam pasukan bola sepak tersebut. Rakan baikku, Ranjit dan Adam turut tersenarai dalam kesebelasan utama.

11:30 pagi

Aku dan rakan-rakan berjalan pulang ke rumah. Dalam perjalanan, kami asyik bercerita tentang perlawanan bola sepak yang bakal kami hadapi. Kami tidak sabar-sabar untuk menghadapi perlawanan tersebut.

Ketika kami melalui sebuah pasar raya yang terletak berhampiran dengan taman perumahan aku, kami terlihat orang ramai berkerumun di situ. Ketika itu, bunyi agak bising dengan muzik melatari ruang pintu masuk pasar raya itu. Aku dan rakan-rakan terus mendekati pasar raya itu untuk melihatnya. Rupa-rupanya persembahan tarian singa diadakan bersempena dengan pembukaan pasar raya tersebut.

- I. “Aku” dan rakan-rakan pergi ke sekolah pada pagi itu untuk
- A. menyertai kegiatan sukan.
 - B. menjalani latihan bola sepak.
 - C. berlatih sebelum perlawanan persahabatan.
 - D. mengetahui pemain yang terpilih dalam pasukan bola sepak.
- II. Bilakah pasukan bola sepak sekolah “aku” akan mengadakan perlawanan dengan pasukan Sekolah Kebnagsaan Seri Iskandar?
- A. 28 Oktober 2022
 - B. 29 Oktober 2022
 - C. 30 Oktober 2022
 - D. 31 Oktober 2022
- III. Maksud rangkai kata menunjukkan prestasi dalam petikan ialah
- A. memperlihatkan pencapaian.
 - B. mempamerkan kebolehan.
 - C. menyangkan kehebatan.
 - D. menyatakan perbuatan.
- IV. “Aku” berdebar-debar kerana
- A. menanti keputusan pemenang dalam perlawanan bola sepak pagi itu.
 - B. menanti nama pemain diumumkan untuk mewakili sekolah.
 - C. mendengar komen Cikgu Naim tentang prestasi pemain.
 - D. berharap agar rakan baiknya turut terpilih dalam pemain kesebelasan.
- V. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A. “Aku” yang bertanggungjawab mempertahankan pintu gol pasukannya.
 - B. “Aku” turut menjaringkan gol dalam perlawanan itu.
 - C. Persembahan tarian singa diadakan untuk pembukaan pasar raya yang berdekatan rumah aku.
 - D. “Aku” terpilih selaku pemain simpanan dalam pasukan bola sepak sekolahnya.

Bahagian B
(20 Markah)

SOALAN 4

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **punca-punca berlakunya kes keracunan makanan di pasar malam**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

(10 Markah)

Kes keracunan makanan sering kali melibatkan gerai jualan makanan, terutamanya di pasar malam. Kajian mendapati bahawa pasar malam merupakan premis makanan yang berisiko tinggi untuk terdedah kepada keracunan makanan. Kes keracunan yang berlaku di pasar mala mini amat membimbangkan masyarakat.

Kes keracunan makanan di pasar malam berlaku disebabkan pengendali makanan itu sendiri yang gagal mengendalikan dan menyediakan makanan mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan. Kes keracunan makanan sering berlaku disebabkan makanan disediakan oleh individu tidak terlatih dan tidak didedahkan dengan kursus pengendalian makanan juga.

Centre for Disease Control (CDC) berpendapat bahawa kebanyakan kes keracunan makanan berlaku kerana sikap pengendali makanan dalam sektor makanan, seperti pengawalan suhu yang tidak betul dan kebersihan pekerja yang tidak memuaskan. Selain itu, ke keracunan makanan berlaku disebabkan pencemaran silang. Pencemaran ini berlaku apabila bakteria berbahaya tersebar di antara makanan dengan permukaan peralatan makanan. Contohnya, pengendali makanan menggunakan pisau yang sama untuk memotong ayam dan timun tanpa dicuci lebih dahulu.

Sterusnya, keracunan makanan berpunca daripada kekurangan kemudahan asas untuk berniaga. Selain itu, kebanyakan makanan yang dijual di pasar malam dibiarkan terdedah dan berada dalam jangka waktu lebih daripada enam jam pada suhu zon bahaya. Hal ini menggalakkan pembiakan bakteria yang mencemarkan makanan berkenaan.

Lokasi gerai jualan pasar malam turut mempengaruhi kadar pencemaran, seperti di tepi longkang, di tepi jalan, dan di kawasan yang banyak lalat. Oleh hal yang demikian, makanan yang dijual di kawasan ini berisiko untuk dicemari bakteria yang berupaya untuk menularkan penyakit. Satu lagi punca keracunan makanan ialah sesetengah peniaga pasar malam menjual makanan yang tidak laku pada hari yang berikutnya. Makanan tersebut walaupun tidak basi tetapi dapat menyebabkan keracunan makanan.

Kesimpulannya, penjagaan kebersihan merupakan perkara asas sewaktu mengendalikan makanan yang menjamin keselamatan makanan tersebut. Sikap positif para peniaga tentang kebersihan dan keselamatan pasti dapat mengurangkan kadar keracunan makanan di negara kita.

SOALAN 5

Tulis sebuah karangan tentang **salah satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)

- (a) Anda tinggal di asrama dan menerima sebuah surat daripada ibu mengatakan adik anda di rumah sering membazirkan duit dan tidak mengamalkan sikap menabung. Anda ingin menasihati adik anda supaya mengamalkan sikap menabung.

Tulis sepucuk surat tentang kebaikan menabung kepada adik anda di kampung.

ATAU

- (b) Pembelian dalam talian telah diuar-uarkan sejak beberapa tahun yang lalu dan aktiviti mendapat sambutan yang baik daripada semua lapisan masyarakat.

Tulis sebuah karangan tentang kebaikan pembelian dalam talian.

Bahagian C
(20 Markah)

SOALAN 6

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

(5 Markah)

- I. bermain / Sekumpulan / layang-layang / sedang / lapang / kanak-kanak / kawasan / itu. / di

- II. membuat / mutu tinggi. / Pak Hamid / menggunakan / ukiran kayu / dengan / yang / kayu-kayan

- III. memperoleh / Lawatan sambil belajar / pengalaman / baharu. / membolehkan / yang / murid-murid / dan / pengetahuan

- IV. merupakan / Kitar semula / memperbaharui / suatu / bagi / proses / menggunakan / buangan. / bahan / semula

- V. meningkatkan / Pelbagai kemudahan / disediakan oleh / taraf hidup / kerajaan / telah / untuk / rakyat.

SOALAN 7

Pilih jawapan yang paling tepat.

(10 Markah)

- I. Penjenayah itu berjaya diberkas oleh penduduk kampung ketika _____ cuba menceroboh sebuah rumah.
- A. dia
 - B. beliau
 - C. mereka
 - D. baginda
- II. “_____ negara kita akan bertambah maju,” titah Sultan Iskandar.
- A. Beta
 - B. Tuanku
 - C. Patik
 - D. Baginda
- III. Para peserta larian 200 meter melakukan aktiviti pemanasan badan sebelum berlari untuk mengelakkan otot berasa _____.
- A. keras
 - B. lemah
 - C. kejang
 - D. tegang
- IV. Cikgu akan memberikan makanan-makanan ini _____ murid-murid pada waktu rehat.
- A. ke
 - B. daripada
 - C. pada
 - D. kepada
- V. Persatuan Bahasa Melayu sekolah kami akan menganjurkan _____ bercerita dan mendeklamasikan sajak sempena Bulan Bahasa Kebangsaan.
- A. bertanding
 - B. tandingan
 - C. menandingi
 - D. pertandingan

- VI. Amalan _____ dapat memupuk sikap bersatu padu dalam masyarakat yang berbilang kaum.
- A. tuduh-menuduh
 - B. hasut-menghasut
 - C. tolong-menolong
 - D. dengki-mendengki
- VII. Sejak kebelakangan ini, semangat patriotisme golongan muda _____ hari _____ terhakis.
- A. baik...mahupun
 - B. semakin...semakin
 - C. jangankan...pun
 - D. sungguhpun...tetapi
- VIII. Daniel _____ dompet yang dijumpainya di dalam tandas kepada guru disiplin.
- A. menghantar
 - B. mengirimkan
 - C. menyerahkan
 - D. menghulurkan
- IX. Jonathan telah membeli 30 _____ sate untuk keluarganya.
- A. batang
 - B. gugus
 - C. ikat
 - D. cucuk
- X. _____ yang mengalir di pipi kanak-kanak miskin dilap oleh orang kaya itu .
- A. Ubat mata
 - B. Air mata
 - C. Air tangan
 - D. Bulu mata

SOALAN 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk mengisi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- ✓ bermandi peluh
- ✓ hangat-hangat tahi ayam
- ✓ pedas macm cili
- ✓ seperti katak di bawah tempurung
- ✓ biar mati anak jangan mati adat

- I. Aina berasa tersinggung oleh kata-kata ayahnya yang _____.
- II. Setiap hari, Pak Hamid _____ di ladang untuk mengusahakan tanamannya.
- III. Steven akan melaksanakan semua projek yang saya usahakan hingga berjaya. Dia tidak akan bersikap _____.
- IV. Pahlawan-pahlawan kita sanggup berkorban nyawa demi negara yang tercinta. Bagi mereka _____.
- V. Peribahasa yang boelh dikaitkan dengan orang yang terhad ilmu pengetahuannya dan tidak tahu akan hal yang berlaku di sekelilingnya ialah _____.

Bahagian D
(25 Markah)

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

SOALAN 9

Baca syair Burung Nuri di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya.

(5 Markah)

Bermula warkah surat rencana,
Ikatan fakir yang sangat hina,
Sajak dan nazam banyak tak kena,
Daripada pendapat kurang sempurna.

Sudahlah nasib untung yang malang,
Mengambah lautan berulang-ulang,
Mudaratnya bukan lagi kepalang,
Senantiasanya di dalam Nasib dan walang.

Gerangan sungguh amatlah leta,
Perinya akal gelap-gelita,
Hemat pun rendah daif berserta,
Tambahan badan miskin dan nista.

Hanyutlah badan ke sana ke mari,
Segenap pesisir desa negeri,
Bertambahlah pula sopan dan negeri,
Santap nan tidak minum pun kari.

Beribu ampun kiranya tuan,
Atasnya hulu fakir nistawan,
Daripada masyghul gundah merawan,
Terperilah madah patik nin tuan.

Bangun terjunan badan suatu,
Gundahlah fikir tiada tertentu,
Laksana cermin jatuh ke batu,
Remuk dan redam hancur di situ.

Ditulisikan sahifah supaya nyata,
Barang yang ghairah di dalam cerita,
Terfikir-fikir bukan menderita,
Dakwat dan kertas tempat berkata.

Remuk dan redam rasanya hati,
Lenyaplah fikir budi pekerti,
Jikalau kiranya hamba turuti,
Daripada hidup sebaiknya mati.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh
(Penyelenggara)
Antalogi Bintang Hati, 2016.

- I. Nyatakan tema bagi syair Burung Nuri
- Sikap berani menghadapi cabaran.
 - Adab dan adat dalam kehidupan.
 - Berdikari apabila di perantauan.
 - Sikap menghormati orang lain.

- II. Berdasarkan rangkap yang kedua, penyair meluahkan pendapat berdasarkan _____.
- A. pengetahuan dan pengalamannya
 - B. pemerhatian terhadap orang lain
 - C. keinginan membantu orang lain
 - D. cerita orang lain
- III. Perkataan laksana dalam “Laksana cermin jatuh ke batu” merupakan gaya bahasa _____.
- A. simile
 - B. epifora
 - C. sinkope
 - D. personifikasi
- IV. Pernyataan berikut adalah benar tentang syair ersebut, **kecuali**
- A. rima akhir syair ialah a-a-a-a.
 - B. mengandungi lapan rangkap.
 - C. kebiasaannya mengandungi nasihat.
 - D. setiap rangkap mengandungi dua hingga empat baris.
- V. Syair menekankan kepentingan hidup beradab. Pada pendapat anda, apakah tingkah laku yang tidak beradab apabila berada di dalam kelas?
- A. Fokus ketika guru mengajar.
 - B. Memberikan salam apabila guru masuk.
 - C. Keluar dan masuk kelas ketika ketiadaan guru.
 - D. Memastikan suasana pembelajaran berjalan lancar.

SOALAN 10

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Bintang

Suatu malam aku duduk
di halaman rumah
kulihat cantiknya bintang-bintang
menghias langit yang terbentang
aku ingin terbang ke sana
membawa pulang bintang-bintang
tentu ibu gembira
tentu ayah gembira
melihat rumah ini
penuh dengan cahaya.

Tetapi kata ibu
itu tidak perlu
ayah sudah ada bintang
begitu juga ibu
rumah sudah bercahaya
begitu juga jiwa mereka
bintang itu adalah aku
bintang hati ayah dan ibu.

(Siti Zaleha M. Hashim
Antalogi Bintang Hati, 2016)

- I. Mengapakah ibu tidak memerlukan bintang yang bercahaya? (1 markah)
- II. Berikan dua persoalan yang sesuai berdasarkan sajak dia atas. (2 markah)
- III. Berdasarkan sajak di atas, mengapakah kita perlu menghargai jasa ibu? (2 markah)

SOALAN 11

Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(9 markah)

Hatta demikian itu, maka genaplah bulannya. Pada ketika yang baik kepada malam empat belas haribulan, maka terang mambang berjalan laki bini ketika itu, maka bininya Miskin itu pun beranaklah seorang lelaki terlalu elok rupanya. Maka dinamakan anaknya itu Marakarma. Maka dipelihara anak itu seperti adat orang banyak. Maka terlalu amat kasihnya dan sayang kepada anaknya itu tiada boleh bercerai barang seketika dengan Marakarma itu.

Hatta dengan takdir Allah taala mengurniakan hambanya maka Miskin pun berpindahlah hendak membuat pondok akan tempatnya tiga beranak. Maka digalinyalah tanah itu hendak mendirikan tiang terataknya. Maka terlihatlah kepada tajau berisi emas terlalu banyak. Maka segera diambilnya akar kayu, maka ditambatnya pada pohon kayu yang besar. Maka bininya pun datanglah ia melihat emas situ seraya katanya, "Sampai kepada anak cucuku sekalipun berbelanja dia tiada akan habis emas ini." Maka terlalu sukacitalah dua laki isteri itu.

Maka oleh isterinya diambilnya emas situ dibawanya ke dalam rumahnya.

Maka emas situ lalu dibawanya pergi kepada saudagar dalam negeri Anta Beranta itu. Setelah ia bertemu dengan saudagar maka ditegurnya oleh saudagar itu, katanya, "Marilah tuan hamba duduk, di mana tuan tadi dan apa kehendak tuan hamba kepada hamba?"

Maka sahut Si Miskin itu seraya tersenyum, "Ada juga kehendak hamba ini kepada tuan hamba. Jikalau boleh tuan hamba menolong hamba, akan hamba katakana kepada tuan hamba."

Maka sahut saudagar itu, "Katakanlah sampai hamba dengar."

Maka Miskin pun mengeluarkan emas daripada kandungannya seraya katanya, "Inilah hamba minta tolong belikan kaus sepasang kepada tuan hamba."

(Dipetik daripada prosa tradisional "Bahagia Sesudah Derita" dalam antalogi Bintang hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

I. Mengapakah kedua laki dan isterinya sukacita dalam petikan di atas? (3 markah)

II. Huraikan tiga gaya bahasa berdasarkan petikan di atas. (3 markah)

III. Jelaskan satu nilai yang dapat dilihat daripada perwatakan Si Miskin berdasarkan petikan di atas dan satu nilai daripada keseluruhan cerita. (3 markah)

SOALAN 12

Berdasarkan kajian Antologi Bintang Hati, nyatakan dua tekad Beluntung dan huraikan 2 latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen “*Bawod*”.

(6 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT